KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

# 600 SOALAN TATABAHASA

TAHUN 4 • 5 • 6

BONUS
- ☑ TIP BIJAK BAHASA
- ☑ PETA MINDA
- ☑ KOSA KATA




SULAIMAN MOIDEN
ABDUL HAMID MOIDEN

READ RESOURC

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Aduh 痛 Wahai (劝人家) Amboi, (惊讶但带有讽刺)
Aduhai, 倒霉、可怜 Wah, (称赞、惊讶)



# KATA SERU

Pilih kata seru yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. ____________, besarnya kolam renang di rumah baharu kamu!
   A. Wah B. Aduh
   C. Syabas D. Aduhai

2. ______________, sakitnya kaki kiri saya yang dipatuk ular tadi!
   A. Oh B. Eh
   C. Nah D. Aduh

3. __________________, malang betul nasib Pak Mat sekeluarga yang ditipu seorang pengusaha kilang ternakan ayam!
   A. Cis B. Wah
   C. Amboi D. Aduhai

4. __________________, jangan masuk campur dalam urusan keluarga saya!
   A. Oh B. Ah
   C. Nah D. Cis

5. ____________, berani engkau mencuri wang tunai dari kedai runcit aku!
   A. Cis B. Hai
   C. Nah D. Syabas

6. ______________, kamu telah dilantik sebagai Ketua Pengawas yang baharu di sekolah ini!
   A. Oh B. Eh
   C. Cis D. Syabas

7. ________________, banyaknya anak kucing yang kamu bela di rumah kamu!
   A. Oh B. Wah
   C. Amboi D. Syabas

8. ________________ anak muda, bangkitlah daripada lenamu! Berjuanglah demi masa depan nusa tercinta ini!
   A. Eh B. Nah
   C. Aduh D. Wahai



9. ______________, kamu ambillah semua wang ini dan jangan sesekali kamu kembali lagi ke kampung ini!
   A. Nah B. Hai
   C. Syabas D. Amboi

10. ______________, di sini rupanya kamu menyimpan semua wang hasil rompakan kamu!
    A. Oh B. Nah
    C. Amboi D. Syabas



LIVEWORKSHEETS
CamScanner

11. ______________, bukankah kamu sedang menyambung pengajian dalam bidang perubatan di luar negara!

A. Oh B. Eh
C. Aduh D. Aduhai

12. ______________, berani kamu memalukan saya di hadapan orang ramai!

A. Ah B. Eh
C. Cis D. Nah

13. ______________, itulah lelaki yang memecah masuk rumah saya tempoh hari!

A. Eh B. Wah
C. Hai D. Amboi

14. ______________, sakitnya lelangit saya yang tercucuk tulang ikan pagi tadi!

A. Ah B. Wah
C. Aduh D. Syabas

15. __________ sahabatku, tinggalkanlah segala perbuatan keji ini dan kembalilah ke pangkal jalan!

A. Eh B. Nah
C. Wah D. Wahai

16. ______________, wajah kamu nampak berseri-seri selepas menjalani rawatan kecantikan di Spa Halena!

A. Ah B. Nah
C. Aduh D. Amboi

17. ______________, kamu mendapat markah tertinggi dalam subjek Sains buat kali ketiga berturut-turut.

A. Eh B. Ceh
C. Syabas D. Aduhai

18. ______________, nama saya Azlina! Saya pekerja baru di syarikat ini.

A. Oh B. Hai
C. Cis D. Amboi

19. ______________, segarnya ikan-ikan yang dijual di pasar pada hari ini!

A. Cis B. Nah
C. Wah D. Aduhai



20. ______________, cantiknya landskap pokok renek di sepanjang jalan ini!

A. Nah B. Wah
C. Aduh D. Syabas

CamScanner
LIVEWORKSHEETS